

# Darurat tangani ancaman kesihatan

Urusan pentadbiran negara jadi lebih cepat bagi hadapi cabaran semasa

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Darurat yang dilaksanakan kini adalah satu yang luar biasa dan tidak pernah terjadi sebelumnya kerana ia membabitkan situasi kecemasan akibat ancaman kesihatan.

Pakar Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Muhammad Fathi Yusof, berkata, darurat kali ini berbeza dengan yang pernah dilaksanakan di negara ini kerana ia lebih kepada ancaman keselamatan akibat kekacauan politik dan rusuhan kaum.

Katanya, jelas seperti diisyiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong bahawa darurat ini bagi menguruskan ancaman COVID-19 walaupun ada kumpulan yang menyatakan bagi mengurangkan politik.

"Apa yang penting, fungsi darurat membolehkan satu-satu undang-undang itu lebih cepat dilaksanakan kerana tidak perlu

melalui proses biasa di Parlimen melalui bacaan pertama, kedua dan ketiga dengan proses undi serta melalui Dewan Negara sebelum dijadikan undang-undang.

"Proses menggubal undang-undang lebih cepat melalui ordinan undang-undang yang dibuat Yang di-Pertuan Agong melalui Perkara 150 Perlembagaan Negara," katanya sebagai panel webinar 'Memahami Isu Darurat dan Masa Depan Gerakan Dakwah' anjuran Yayasan Dawah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan kerjasama Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) semalam.

Beliau menjelaskan urusan pentadbiran negara menjadi lebih cepat kerana arahan oleh satu pihak tanpa birokrasi yang akan memantapkan usaha menghadapi cabaran masa kini.

"Contohnya, situasi birokrasi dan pindaan dalam denda seperti termaktub dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit yang menetapkan denda RM1,000

sahaja, tetapi dengan ada ordinan undang-undang denda dinaikkan sehingga RM5 juta," katanya.

Sementara itu, Pakar Perlembagaan, Prof Dr Shamrahayu A Aziz, berkata sesiapa sahaja boleh mencabar keputusan berhubung proklamasi darurat di mahkamah kerana ia adalah kebebasan kehakiman dan perundangan di negara ini.

Katanya, namun Perkara 150 Fasal 8 menyatakan soal puas hati Yang di-Pertuan Agong berhubung keputusan pengisytiharan darurat itu tidak boleh dipersoalkan dan mahkamah tiada bidang kuasa untuk mendengar perkara itu.

Katanya, beliau melihat orang yang memfailkan kes itu tidak mempersoalkan keputusan Yang di-Pertuan Agong sebaliknya menganai nasihat diberikan oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong itu hendak dicabar.

Justeru, katanya ada ruang undang-undang yang dibincangkan dan persoalan teknikal sama ada boleh atau tidak dicabar di mahkamah.

"Saya melihat ini satu usaha yang baik, perlilah ke mahkamah supaya persoalan ini dapat diperjelaskan.



Muhammad Fathi Yusof

"Dalam hal ini saya nampak ada orang itu terbabit meminda undang-undang, tetapi kini beliau yang mempersoalkannya dan ini menyebabkan rakyat keliru dalam situasi ini," katanya.

Beliau ditanya sama ada keputusan Yang di-Pertuan Agong berkaitan darurat berkenaan boleh dicabar di mahkamah.

Pakar Perlembagaan, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain pula berkata, nasihat Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong itu hendak dicabar.

Namun, katanya berdasarkan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, timbul persoalan adakah Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat.

Beliau menjelaskan apa yang penting dalam keputusan berhubung darurat itu, Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan sepakat dan tiada protes untuk ia dilaksanakan begitu juga ketika permintaan darurat pada Oktober lalu apabila baginda menolaknya.